



AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

(Penggali 157)

STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (DEKAN PENGAJIAN LEPASAN IJAZAH DAN PENYELIDIKAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut -

Gelaran.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Dekan Pengajian Lepas an Ijazah dan Penyelidikan), 2001.

Dekan Pengajian Lepas an Ijazah dan Penyelidikan.

2. Hendaklah ada seorang Dekan Pengajian Lepas an Ijazah dan Penyelidikan, selepas ini disebut sebagai "Dekan", yang akan dilantik oleh Naib Canselor, setelah berunding dengan Majlis, daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti. Perlantikan itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 19 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam seolah-olah perlantikan itu telah dibuat di bawah bab tersebut.

Tugas-tugas.

3. Dekan hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor. Tugas-tugasnya, selain dari tugas-tugas jawatan substantifnya sebagai seorang anggota kakitangan sepenuh masa Universiti adalah -

- (a) untuk merumuskan dasar-dasar lepasan ijazah dan penyelidikan untuk dikemukakan, setelah berunding dengan Naib Canselor, untuk pertimbangan dan kelulusan Senat dan Majlis, jika berkenaan;
- (b) untuk melaksanakan, menyelia dan mentadbirkan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Senat atau Majlis;
- (c) untuk mengkaji semula perkembangan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti dan untuk membuat syor-syor yang bersesuaian untuk pertimbangan dan kelulusan Senat dan Majlis;
- (d) untuk mengemukakan laporan tahunan pada akhir setiap tahun akademik kepada Senat dan Majlis mengenai perkembangan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti; dan
- (e) untuk menjalankan sebarang tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib canselor.

Dekan sebagai Pegawai Utama

4. Dekan adalah seorang pegawai utama Universiti.

Dekan sebagai ahli Senat.

5. Dekan adalah seorang ahli Senat *kerana jawatan*.

Perlantikan Timbalan Dekan.

6. Naib Canselor boleh melantik seorang Timbalan Dekan Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan untuk membantu Dekan. Perlantikan itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 19 dari Perlembagaan Universiti seolah-olah perlantikan itu telah dibuat di bawah bab tersebut.


Diperbuat pada hari ini
1421 bersamaan dengan

haribulan
haribulan

1421
Tahun Hijrah
2001.



CANSELOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.



AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggali 157)

STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (DEKAN PENGAJIAN
LEPASAN IJAZAH DAN PENYELIDIKAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut -

Gelaran.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Dekan Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan), 2001.

Dekan Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan.

2. Hendaklah ada seorang Dekan Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, selepas ini disebut sebagai "Dekan", yang akan dilantik oleh Naib Canselor, setelah berunding dengan Majlis, daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti. Perlantikan itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 19 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam seolah-olah perlantikan itu telah dibuat di bawah bab tersebut.

Tugas-tugas.

3. Dekan hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor. Tugas-tugasnya, selain dari tugas-tugas jawatan substantifnya sebagai seorang anggota kakitangan sepenuh masa Universiti adalah -

- (a) untuk merumuskan dasar-dasar lepasan ijazah dan penyelidikan untuk dikemukakan, setelah berunding dengan Naib Canselor, untuk pertimbangan dan kelulusan Senat dan Majlis, jika berkenaan;
- (b) untuk melaksanakan, menyelia dan mentadbirkan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Senat atau Majlis;
- (c) untuk mengkaji semula perkembangan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti dan untuk membuat syor-syor yang bersesuaian untuk pertimbangan dan kelulusan Senat dan Majlis;
- (d) untuk mengemukakan laporan tahunan pada akhir setiap tahun akademik kepada Senat dan Majlis mengenai perkembangan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan Universiti; dan
- (e) untuk menjalankan sebarang tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib canselor.

Dekan sebagai Pegawai Utama

4. Dekan adalah seorang pegawai utama Universiti.

Dekan sebagai ahli Senat.

5. Dekan adalah seorang ahli Senat *kerana jawatan*.

Perlantikan Timbalan Dekan.

6. Naib Canselor boleh melantik seorang Timbalan Dekan Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan untuk membantu Dekan. Perlantikan itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 19 dari Perlembagaan Universiti seolah-olah perlantikan itu telah dibuat di bawah bab tersebut.

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Zulkaedah Tahun Hijrah
1421 bersamaan dengan 6 haribulan Februari 2001.



CANSELOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (DEAN OF POSTGRADUATE
STUDIES AND RESEARCH) STATUTE, 2001**

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute -

Citation.

1. This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Dean of Postgraduate Studies and Research) Statute, 2001.

Dean of Postgraduate Studies and Research.

2. There shall be a Dean of Postgraduate Studies and Research, hereinafter referred to as "the Dean", who shall be appointed by the Vice-Chancellor, after consultation with the Council, from among the full-time staff of the University. The appointment shall be subject to the terms and conditions as set out in section 19 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam as if the appointment had been made under that section.

Duties.

3. The Dean shall be responsible to the Vice-Chancellor. His duties, in addition to the duties of his substantive post as a full-time staff member of the University, shall be -

- (a) to formulate postgraduate and research policies for submission, in consultation with the Vice-Chancellor, for consideration and approval of the Senate and the Council, where applicable;

- (b) to implement, oversee and administer such postgraduate and research programmes of the University as the Senate or the Council may approve ;
- (c) to review the progress of postgraduate and research programmes of the University and to make appropriate recommendations for consideration and approval of the Senate and the Council;
- (d) to submit an annual report at the end of each academic year to the Senate and the Council on the progress of postgraduate and research programmes of the University; and
- (e) to carry out any other related duties as may be directed by the Vice-Chancellor.

Dean as Principal officer.

4. The Dean shall be a Principal officer of the University.


Dean as member of Senate.

5. The Dean shall be a member of the Senate *ex-officio*.

Appointment of Deputy Dean.

6. The Vice-Chancellor may appoint a Deputy Dean of Postgraduate Studies and Research to assist the Dean. The appointment shall be subject to the terms and conditions as set out in section 19 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam as if the appointment had been made under that section.

Made this day of 1421 Hijriah corresponding to the
day of 2001.



**CHANCELLOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**